



TERENGGANU DARUL IMAN
TAMBAHAN PERUNDANGAN
AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
Tr. P.U. 3/85
UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN)
MAJLIS DAERAH DUNGUN 1985

Tarikh penyiaran :

9 Mei 1985

Tarikh mula berkuatkuasa :

9 Mei 1985

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

- Undang-undang kecil 1. Nama.
- Undang-undang kecil 2. Takrif.
- Undang-undang kecil 3. Tulisan bagi iklan.
- Undang-undang kecil 4. Iklan yang sedia ada.
- Undang-undang kecil 5. Penggunaan perkataan "halal".
- Undang-undang kecil 6. Lesen.
- Undang-undang kecil 7. Permohonan untuk lesen.
- Undang-undang kecil 8. Kuasa yang enggan mengeluarkan dan membaharui lesen dan untuk membatalkan lesen.
- Undang-undang kecil 9. Bayaran.
- Undang-undang kecil 10. Kawasan untuk iklan.
- Undang-undang kecil 11. Pengecualian daripada lesen.
- Undang-undang kecil 12. Lesen tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran.
- Undang-undang kecil 13. Tinggi dan anjuran bagi iklan.
- Undang-undang kecil 14. Keselamatan struktur iklan.
- Undang-undang kecil 15. Penyelenggaraan iklan yang sedia ada.

Undang-undang kecil 16. Memindahkan iklan.
Undang-undang kecil 17. Penalti
Undang-undang kecil 18. Anggapan.
Undang-undang kecil 19. Pemohon lesen bertanggungjawab atas kegagalan.
Undang-undang kecil 20. Kerosakan.
Undang-undang kecil 21. Pelepasan.
Undang-undang kecil 22. Kecualian.
Undang-undang kecil 23. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

Mukadimah

Bahawasanya, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Dungun di dalam mesyuarat Majlis yang diadakan pada 5hb Jun 1984, telah meluluskan Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Dungun 1985:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-Undang Kecil tersebut seperti berikut.

1. Nama.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Dungun 1985.**

2. Takrif.

(1) Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain -

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, pemakluman atau penerbitan yang ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai akan sesuatu barang, keluaran, pengeluaran, tempat atau peristiwa, atau apa jua benda yang di pameran di atas sesuatu papan dinding, papan, bumbung, dinding, pancang, pagar, pokok, bingkai, papantanda, pelit, kain, palang, tiang, dawai, kekepuk atau lain-lain binaan atau alatan atau mana-mana bahagian daripadanya, di atas, di dalam atau di sebelah atas mana-mana tanah, rumah, bangunan, struktur, siarkaki, jalan atau tempat tumpuan orang ramai dan digunakan untuk maksud iklan dan dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat awam, dan termasuk tanda di bumbung, tanda arah dan papantanda;

“iklan bersinar” ertinya iklan berlampu;

“iklan tak bersinar” ertinya iklan tiada berlampu;

“lain-lain bahasa” ertinya bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil;

“Majlis Daerah” ertinya Majlis Daerah Dungun.

“papantanda” ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama dan cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan jenis tred,

perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma perbadanan atau pertubuhan itu dan yang dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat awam dan yang lekapkan atau dicat pada permukaan atau bidang hadapan jalan atau didalam, bangunan yang sebenar di mana tred, perniagaan atau profesion itu dijalankan;

“poster” ertinya iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan tidak berukuran lebih daripada 75 sentimeter lebar dan 1 meter panjang;

“tanda arah” ertinya pertunjukan dengan apa-apa cara akan nama atau cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan bermaksud untuk menunjukkan jalan ke premis di mana papantanda tidak dapat dilihat dari jalan;

“tiang poster” ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis Daerah untuk pertunjukan poster-poster;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun dengan sah di sisi undang-undang dan termasuk Timbalan Yang Dipertua.

(2) Dalam Undang-Undang Kecil ini, rujukan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan mengenai orang yang sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya mempamerkan atau mengarah dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk –

- (a) pemunya atau penduduk tanah di mana iklan itu diperuntukkan; dan
- (b) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenai barang-barang, tred, perniagaan, profesion, peristiwa atau lain-lain urusannya publisiti diberi dengan iklan itu.

3. Tulisan bagi iklan.

(1) Tiap-tiap iklan hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia.

(2) Tulisan lain-lain bahasa bolehlah digunakan bersekali dengan Bahasa Malaysia.

(3) Jika tulisan lain-lain bahasa digunakan, Bahasa Malaysia hendaklah kelihatan terutama dan terkemuka dan ianya tidak kelihatan terutama dan terkemuka melainkan –

- (a) ia ditulis di atas sekali tanpa ada apa-apa tulisan lain di bahagian itu, kecuali jika tulisan Jawi digunakan, tulisan jawi itu bolehlah ditulis di atas daripada Bahasa Malaysia.
- (b) tulisan Bahasa Malaysia lebih besar daripada mana-mana yang lain;

(c) warna tulisan Bahasa Malaysia lebih terang dan cerah berbanding dengan lain-lain warna yang digunakan.

(4) Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dan menurut penggunaan umum, dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain kaedah.

(5) Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengecualikan kehendak-kehendak pernyukan ini dalam hal-hal tertentu.

4. Iklan yang sedia ada.

(1) Jika sesuatu iklan telah dipamerkan sebelum daripada berkuatkuasa Undang-Undang Kecil ini, sama ada berlesen atau pun tidak, iklan itu hendaklah diubah suai, dipinda atau diganti supaya mematuhi Undang-Undang Kecil 3 dalam tempoh 12 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Undang-Undang Kecil ini.

(2) Ubahsuai atau pindaan itu boleh dibuat dengan mengadakan iklan tambahan dalam Bahasa Malaysia di tempat dan menurut ukuran yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Kecil 3.

5. Penggunaan perkataan Halal

(1) Tiada seorang pun boleh menggunakan perkataan-perkataan “halal”, “ditanggung halal” atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah halal bagi orang islam memakannya, atau ianya diproses, dimasak, disediakan atau dikilangkan dengan cara yang diluluskan oleh agama islam, atau ianya tidak mengandungi apa-apa benda yang ditegah bagi orang islam, melainkan itu telah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Sebelum memberi kelulusan di bawah perenggan (1), Yang Dipertua boleh menghendaki bukti dengan memuaskan hatinya bahawa makanan itu tidak ditegah di bawah agama islam untuk dimakan oleh orang islam.

6. Lesen.

(1) Tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua, tiada seorang pun boleh mempamerkan atau mengarah dipamerkan apa-apa iklan, lain daripada iklan-iklan yang dikecualikan di bawah Undang-Undang Kecil 11.

(2) Yang Dipertua boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen-lesen yang akan dikeluarkan ialah –

- (a) lesen kelas “A” dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, yang mana hendaklah sah selama tempoh satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan;
- (b) lesen kelas “B” dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu yang tidak lebi daripada enam bulan kalendae; atau
- (c) lesen kelas “C” dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, yang mana hendaklah berkenaan dengan poster yang ditunjukkan pada tiang poster dan yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu yang tidak lebih daripada satu tahun.

(4) Setiap orang yang telah dikeluarkan lesen kepada hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di suatu tempat yang jelas kelihatan di dalam premis berlesen dan hendaklah mengeluarkan lesen tersebut jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis Daerah yang berkuasa memintanya.

(5) Sesiapa yang tidak mempamerkan atau tidak mengeluarkan lesen tersebut di bawah perenggan (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit dan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-dua denda dan penjara.

7. Permohonan untuk lesen.

(1) Suatu permohonan untuk lesen atau untuk membaharui lesen hendaklah dalam borang yang terdapat dalam Jadual Kedua dan hendaklah disertakan dengan -

- (a) satu lakar yang menunjukkan butir-butir lengkap iklan itu dan satu pelan tapak bina mengikut skala 1 sentimeter bagi 1000 sentimeter yang menunjukkan tempat iklan yang dicadangkan; dan
- (b) bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Yang Dipertua boleh menghendaki seseorang pemohon menandatangani kepadanya sejumlah wang yang senilai dengan setengah daripada bayaran yang ditetapkan atau tiga ratus ringgit mengikut mana yang kurang, tetapi deposit ini tidak boleh kurang daripada dua puluh lima ringgit.

(3) Melainkan deposit itu atau apa-apa bahagian daripadanya digunakan untuk menjelaskan belanja yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil 16, deposit itu atau bakinya hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon apabila tamat lesen itu dan selepas iklan itu dipindahkan.

(4) Permohonan untuk membaharui sesuatu lesen hendaklah dikemukakan sebulan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan.

8. Kuasa untuk enggan mengeluarkan dan membaharui lesen dan untuk membatalkan lesen.

(1) Yang Dipertua boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membenarkan sesuatu lesen diperbaharui tanpa memberi apa-apa sebab.

(2) Jika Yang Dipertua enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membaharui sesuatu lesen ia hendaklah memulangkan balik bayaran lesen itu dengan sepenuhnya.

(3) Jika permohonan untuk sesuatu lesen atau pembaharuan ditarik balik sebelum permohonan itu diluluskan oleh Yang Dipertua, setengah daripada bayaran yang ditetapkan hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon.

(4) Yang Dipertua boleh membatalkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu, dengan syarat bahawa sebelum membatalkan lesen itu Yang Dipertua hendaklah memberi satu bulan notis secara bertulis mengenai cadangannya hendak berbuat demikian kepada pemegang lesen itu.

(5) Apabila sesuatu lesen dibatalkan, pemegang lesen itu, hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh diberitahu tentang pembatalan lesen itu.

(6) Apabila sesuatu lesen dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, tiada apa-apa pampasan kena dibayar tetapi sekiranya banyak dari bayaran lesen yang berkadaran dengan tempoh yang belum tamat bagi lesen itu hendaklah dipulangkan balik kepada pemegang lesen itu.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang tidak memindahkan iklan dalam masa yang ditetapkan di dalam perenggan (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu dan, dalam hal kesalahan yang berlanjutan, denda yang tidak melebihi seratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan selepas sabitan.

9. Bayaran.

(1) Bayaran lesen tahunan yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Ketiga hendaklah mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang ke dua Jadual tersebut.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1), bayaran bagi lesen kelas “B” ialah setengah daripada bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Walau apa pun peruntukan perenggan (1) dan (2), bayaran lesen bagi iklan yang menggunakan tulisan Jawi ialah setengah daripada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(4) Walau apa pun peruntukan perenggan (1), (2) dan (3), Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengurangkan atau menghapus mana-mana bayaran lesen yang kena dibayar.

10. Kawasan untuk iklan.

Sesuatu iklan yang dilesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditunjukkan hanya dalam kawasan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

11. Pengecualian daripada lesen.

(1) Tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi -

(a) sesuatu iklan yang luasnya tidak lebih daripada 1.5 meter persegi dan yang mengiklankan penjualan atau penyewaan tanah atau rumah jika iklan itu dipamerkan di atas tanah atau harta yang hendak dijual atau disewakan itu:

Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu iklan penjualan atau penyewaan itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu harta;

(b) sesuatu papantanda kontraktor bangunan atau kejuruteraan awam yang luasnya tidak lebih daripada 3 meter persegi, jika papantanda itu didirikan di atas harta di mana apa-apa kerja bangunan atau kejuruteraan awam sedang dijalankan:

Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu papantanda itu boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek;

(c) sesuatu papantanda kontraktor kecil yang luasnya tidak lebih daripada 1.5 meter persegi dan yang didirikan berhubung dengan suatu projek bangunan atau kejuruteraan awam:

Dengan syarat bahawa hanya satu papantanda sahaja boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek dan papantanda itu tidak mengandungi apa-apa perkara bergambar;

- (d) satu tanda arah tidak lebih daripada 0.3 meter persegi mengandungi nama orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang berkenaan, yang didirikan di atas suatu tapak bina yang diluluskan oleh Yang Dipertua.
- (e) pameran poster-poster pilihanraya kerajaan, jika poster-poster itu dipamerkan dan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua dan menurut apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua.

(2) Walaupun tiada sesuatu lesen yang dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah Undang-Undang Kecil ini, iklan itu hendaklah dipamerkan mengikut Undang-Undang Kecil 3, 4 dan 13.

12. Lesen tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran.

Lesen-lesen tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Yang Dipertua.

13. Tinggi dan anjuran bagi iklan.

(1) Tiada sesuatu iklan yang kurang daripada 5 meter tingginya diukur menegak daripada permukaan jalan boleh menganjur keluar dari garisan bangunan.

(2) Tiada sesuatu iklan yang lebih daripada 5 meter tingginya diukur menegak daripada permukaan jalan boleh menganjur keluar lebih daripada 1 meter dari garisan bangunan.

14. Keselamatan struktur iklan.

(1) Apa-apa struktur bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan, yang didirikan bagi maksud menunjukkan sesuatu iklan hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang arkitek berdaftar atau seorang jurutera struktur atau mana-mana orang lain yang dipersetujui oleh Yang Dipertua untuk menampung pukulan angin yang sekuat-kuatnya selama tempoh lesen itu dan jika dikehendaki oleh Yang Dipertua, perakuan itu hendaklah meliputi kestabilan struktur bangunan atau bahagian bangunan yang menopang iklan itu.

(2) Yang Dipertua boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak-kehendak perenggan (1).

15. Penyelenggaraan iklan sedia ada.

- (1) Yang Dipertua boleh dengan notis secara bertulis memerintahkan seseorang pemegang lesen supaya membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana iklan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.
- (2) Jika warna-warna sesuatu iklan bersinar yang berlesen mungkin, apabila disinarkan, menyebabkan kekeliruan atau kekusaran kepada orang ramai, Yang Dipertua boleh menghendaki supaya warna-warna itu ditukar.
- (3) Pemegang lesen itu hendaklah mematuhi perintah itu.

16. Memindahkan iklan.

- (1) Yang Dipertua boleh memerintah supaya dipindahkan serta-merta apa-apa iklan, termasuk apa-apa struktur yang didirikan khas bagi iklan itu, yang ditunjukkan tanpa lesen atau bersalah dengan Undang-Undang Kecil ini atau jika pertunjukan iklan itu ialah untuk memajukan sesuatu tred, perniagaan atau perusahaan yang haram.
- (2) Yang Dipertua atau pegawai-pegawainya boleh memasuki mana-mana premis dan memindahkan iklan tersebut.
- (3) Belanja bagi memindahkan iklan itu hendaklah ditanggung oleh orang yang menunjukkan iklan itu, dan Yang Dipertua boleh memotong belanja itu daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar kepada orang itu di bawah Undang-Undang Kecil 7 (3) atau 8 (6).
- (4) Yang Dipertua boleh, bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tiang poster, memindahkan apa-apa poster, dan walaupun mungkin ada apa-apa tempoh bagi lesen Kelas "C" yang belum tamat, tiada apa-apa amaun boleh dipulangkan balik kepada pemegang lesen.

17. Penalti.

Seseorang yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarta di dalam sesuatu lesen atau mana-mana notis atau perintah Yang Dipertua adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, di mana penaltinya tidak diperuntukkan dengan nyata di dalam Undang-Undang Kecil ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau

ke dua-dua denda dan penjara itu, dan dalam hal kesalahan yang berlanjutan, denda yang tidak melebihi seratus ringgit tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan selepas sabitan.

18. Anggapan.

Dalam apa-apa pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka hendaklah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa –

- (a) sesuatu iklan yang ditunjukkan pada mana-mana premis telah ditunjukkan oleh atau dengan persetujuan pemunya atau penduduk premis itu;
- (b) sesuatu iklan bagi apa-apa keluaran telah ditunjukkan oleh pembuat atau pengilang keluaran itu;
- (c) sesuatu iklan apa-apa peristiwa telah dipertunjukkan oleh penganjur peristiwa itu atau, jika penganjur itu tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya akan dibayar hasil jualan tiket-tiket bagi peristiwa itu atau oleh orang atau pihak yang akan mendapat faedah dari iklan itu.

19. Pemohon Lesen bertanggungjawab atas kegagalan.

(1) Tanggungjawab terhadap keruntuhan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan yang berhubung dengan penunjukan iklan, sama ada semasa ia dibina atau selepas ia siap, hendaklah *prima facie* terletak pada orang atau orang-orang yang telah mengemukakan permohonan untuk lesen itu.

(2) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh Yang Dipertua atau walaupun Yang Dipertua telah mengecualikan pemohon daripada Undang-Undang Kecil 14 (1), Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku kepada sesiapa oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

20. Kerosakan.

Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya atau penjawat-penjawatnya dalam menjalankan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

21. Pelepasan.

Yang Dipertua boleh mengecualikan sesiapa jua yang difikirkannya patut daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

22. Kecualian.

Walau apa pun peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil yang terdahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga luput atau dimansuhkan oleh Yang Dipertua.

23. Pemansuhan.

Peruntukan Undang-Undang Kecil 247 dan 249 Undang-Undang Kecil Jemaah Bandaran, Terengganu, setakat yang ianya berhubungan dengan Majlis Daerah Dungun, adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

**(UNDANG-UNDANG KECIL 6 (3))
MAJLIS DAERAH DUNGUN**

Lesen Iklan/Papantanda/Poster di bawah
Undang-Undnag Kecil (iklan)
Majlis Daerah Dungun 1985

Kelas

Nama:

Alamat:

adalah dengan ini diberi lesen oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun untuk menunjukkan iklan/papantanda/poster yang berikut:

(1)

- (2)
- (3)
- (4)

di No.
Jalan
Dungun, mula dari haribulan 19.....
Hingga Haribulan 19.....

Tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....
.....
.....

.....
Yang Dipertua,

Majlis Daerah

Dungun

Bayaran Lesen \$
Resit No.
Rujukan Fail

JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 7 (1))
MAJLIS DAERAH DUNGUN
Borang Permohonan untuk Lesen Iklan/Papantanda
di bawah Undang-Undang Kecil (Iklan)
Majlis Daerah Dungun 1985

Bagi Kelas A/B/C

1. Nama penuh:
(dengan huruf besar)
2. Alamat:
3. Iklan, Tanda di Bumbung atau Papantanda
.....
(bersinar/tak bersinar)
4. Jenis lesen (nyatakan Kelas A, B atau C)

5. Ukuran

Amaun

.....

.....

.....

6. Alamat di mana iklan/tanda di bumbung/papantanda/poster hendak dipamerkan:

- (1) Dungun
- (2) Dungun
- (3) Dungun
- (4) Dungun

7. Tingginya daripada permukaan jalan (jika luar dari garisan bangunan sebagaimana diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil 13, Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Daerah Dungun 1985):

.....

8. Tempoh pameran: Daripada haribulan 19.....
19..... hingga haribulan 19

Saa/Kami berikrar bahawa iklan/papantanda/poster yang dicadangkan itu tidak akan ditunjukkan sehingga suatu lesen telah dikeluarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun. Saya/Kami lampirkan bersama ini dua salinan lukisan bagi iklan/papantanda/poster yang dicadangkan itu tidak akan ditunjukkan sehingga suatu lesen telah dikeluarkan Oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun. Saya/Kami lampirkan bersama ini dua salinan lukisan bagi iklan/papantanda/poster itu serta pelan tapak bina mengikut skala 1 sentimeter bagi 1000 sentimeter.

.....
Tandatangan
Tuan punya bangunan/tanah

.....
.....
Tandatangan Pemohon

JADUAL KETIGA

(Undang-Undang Kecil 7 dan 9)
MAJLIS DAERAH DUNGUN

<i>Ruang Pertama</i> <i>Jenis Iklan</i>	<i>Ruang Kedua</i> <i>Bayaran yang kena</i> <i>Dibayar</i>	
	\$	c.
(i) Iklan tak bersinar:		
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang.....	50	00

(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	5	00	
Iklan bersinar:			
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau Kurang	80	00	
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	8	00	
(ii) Jika topangan permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk menunjukkan iklan, bagi tiap-tiap satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu	5	00	
(iii) Iklan kecil tidak lebih daripada satu meter persegi besarnya, yang dicadang hendak dipamerkan lebih daripada satu iklan yang berekabentuk sama:			
Tidak lebih daripada 100 bilangannya	6	00	
	tiap-tiap satu		
Lebih daripada 100 tetapi tidak lebih daripada 500	4		00
	tiap-tiap satu		
Lebih 500 tetapi tidak lebih daripada 1000	3	00	
	tiap-tiap satu		
Lebih daripada 1000	2	00	
	tiap-tiap satu		
(iv) Iklan di atas papan yang menganjur keluar lebih daripada enam belas sentimeter dari bangunan, luasnya meliputi seluruh luas papantanda itu, termasuk bingkai; dan jika pertunjukan itu akan diadakan di kedua belah papan itu, tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur:	5	00	
(a) Tak bersinar: luas yang tidak lebih daripada dua meter persegi bagi satu tanda		00	
(b) Tak bersinar: bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu	10		

meter persegi yang lebih daripada dua meter persegi	5	00
(c) Bersinar: bagi satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi	10	00
(v) Tanda di bumbung: diukur meliputi luas ruangan yang digunakan untuk pertunjukkan tanda di bumbung:		
(a) Bagi satu helai tidak lebih daripada sembilan meter persegi	10	00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi	1	00
(vi) Jika topangan permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk pertunjukan iklan, bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu	8	00
(vii) Iklan di dalam taman hiburan	Sesuku	daripada mana-mana bayaran yang kena dibayar di bawah perenggan (i)
(viii) Poster yang ditunjukkan di atas tiang poster, bagi satu meter persegi sebulan	1	00